

# VARIASI SOSIAL SEBUTAN BAHASA MELAYU: KAJIAN SOSIOFONOLOGI DI SEKOLAH

*Idris Aman*

*Shahidi Abd. Hamid*

## *Abstrak*

Makalah ini ingin memperlihatkan bahawa sebutan bahasa Melayu sebenarnya tertakluk kepada variasi sosial tertentu. Namun begitu, makalah ini juga berkaitan soal 'sebutan baku' memandangkan dalam bahasa Melayu standard, soal tersebut merupakan soal yang tidak dapat dielakkan. Pembuktiannya melalui kajian sosiofonologi di sekolah. Dua pemboleh ubah sosial yang diberi perhatian ialah gaya bahasa dalam tiga situasi formal dan faktor kenatifan penutur. Empat pemboleh ubah fonologi yang diteliti amalannya dalam gaya bahasa dan oleh penutur berkenaan ialah (*a*), (*r*), (*i*), dan (*u*). Secara umum didapati realisasi amalan keempat-empat pemboleh ubah fonologi tersebut oleh subjek adalah berbeza-beza, tertakluk kepada gaya bahasa tertentu. Walau bagaimanapun, pemboleh ubah kenatifan didapati tidak mempengaruhi penggunaan pemboleh ubah fonologi berkenaan secara ketara, kecuali (*r*). Dapatan juga menunjukkan wujudnya fenomena sebutan baku hanya agak berjaya dalam gaya bahasa berteks, kedwikelainan sebutan standard, dan kehadiran faktor kealamiahannya sebutan dalam amalan penutur. Dirumuskan bahawa pengekabakuan sebutan bahasa Melayu yang berlaku kini merupakan penafian kewujudan variasi sosial dalam amalan penutur bahasa Melayu.

## *Abstract*

*This article intends to show that Malay pronunciation is sensitive to certain social variation. Furthermore, this article also concerns to the*

*matter of codification of pronunciation since it is a prominent problem in standard Malay. The issue is proven through a sociophonological research in school. The two social variables which is considered in this article are speech style and nativeness of the subject.*

## PENDAHULUAN

Ahli sosiolinguistik, khususnya ahli sosiofonologi telah membuktikan bahawa perbezaan dalam sebutan mempunyai kaitan dengan aspek sosial (Honey, 1997:92). Contohnya, Labov (1972) mendapati bahawa sebutan kebanyakan subjek kajiannya kelihatan berubah-ubah. Beliau mendapati kumpulan subjek kelas atasan, perempuan, dan yang lebih berumur secara relatif mencatatkan skor kelainan sebutan mirip standard lebih tinggi berbanding dengan subjek dari kelas sosial lain, lelaki, dan subjek muda, walaupun polanya agak kompleks. Pendek kata, bagi Labov, faktor perbezaan kelas sosial, jantina, dan umur penutur mempunyai kaitan dengan variasi sebutannya. Begitu juga Trudgill (1974) yang mendapati bahawa ada penggunaan pemboleh ubah fonologi tertentu yang tertakluk pada kelainan gaya bahasa dan kelas sosial. Dengan kata lain, mereka berpandangan bahawa perbezaan dalam sebutan bukanlah fenomena variasi bebas, sebaliknya dikekangi atau dipengaruhi faktor perbezaan sosial.

Berdasarkan pandangan tersebut, makalah ini berhasrat untuk meneliti serta memaparkan variasi sosial dalam hal sebutan bahasa Melayu pula. Memandangkan dalam konteks Malaysia, soal sebutan bahasa Melayu tidak dapat tidak amat rapat kaitannya dengan soal sebutan baku, khususnya di sekolah, maka soal ini menjadi sebahagian fokus perbincangan dalam makalah ini. Bagi makalah ini skop perbincangan adalah bertujuan untuk memenuhi tujuan berikut:

- i. Meneliti hubungan antara faktor sebutan (fonologi) dengan aspek sosial, khususnya kenatifan dan gaya bahasa.
- ii. Meneliti tahap amalan sebutan baku bahasa Melayu para pelajar sekolah menengah atas dalam situasi formal berasaskan faktor kenatifan dan gaya bahasa melalui pemboleh ubah fonologi.
- iii. Mengenal pasti pemboleh ubah fonologi yang bermasalah dalam pelaksanaan dasar sebutan baku di sekolah.
- iv. Mengenal pasti gaya bahasa yang sukar diterapkan dalam pelaksanaan dasar sebutan baku di sekolah.

## SEBUTAN BAKU BAHASA MELAYU

Secara umumnya ada tiga pandangan yang berkaitan dengan bentuk sebutan baku bahasa Melayu di Malaysia terutama di Semenanjung Tanah Melayu (Awang Sariyan, 1984:44). Pandangan pertama mengasaskan sebutan baku bahasa Melayu kepada sebutan Johor-Riau. Pandangan ini dominan sekurang-kurangnya sehingga tahun 1988. Pada ketika itu, pengguna bahasa Melayu secara umumnya menerima sebutan Johor-Riau sebagai asas sebutan baku. Pandangan kedua pula ialah bahawa dasar sebutan baku bahasa Melayu hendaklah mengikut ejaan. Pandangan ini muncul secara agak jelas sekitar pertengahan tahun 1980-an. Menurut pandangan golongan ini bahasa Melayu hendaklah mengikut cara perkataan berkenaan dieja. Pandangan ini dinamakan juga sebagai sebutan baku 'ekakelainan'. Sementara itu, pandangan ketiga dipelopori oleh Asmah Haji Omar dan yang sependapat dengannya. Asmah Haji Omar (1985:1988) berpendapat bahawa dalam masyarakat bahasa Melayu ada dua pusat kelainan sebutan baku, iaitu satu yang pusat penyebarannya di selatan, khususnya Johor-Kuala Lumpur, dan yang satu lagi di utara, khususnya di Alor Setar. Pandangan Asmah dikenali juga sebagai sebutan baku dwikelainan.

Memandangkan keadaan tersebut, maka pada tahun 1988,<sup>1</sup> kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengarahkan sekolah-sekolah di Malaysia menggunakan satu sistem sebutan yang seragam yang dinamakan 'sebutan baku' dalam pengajaran dan pemelajaran serta majlis-majlis rasmi. Kaedah sebutan baku yang digagaskan tersebut adalah berdasarkan ejaan dengan pengertian bahawa setiap huruf dilafazkan menurut nilai bunyinya dalam bahasa Melayu.<sup>2</sup> Pada umumnya, setiap huruf vokal melambangkan satu bunyi (fonem) vokal, dan setiap huruf konsonan melambangkan satu bunyi (fonem) konsonan (DBP, 1988:xiv). Sebagai contoh perkataan 'saya', 'tarik', 'psikologi', dan 'buluh' harus dilafazkan (diujar) sebagai [saja], [tari?], [psikologi], dan [buluh]. Pendek kata, tidak ada huruf yang disenyapkan.

Sebaik sahaja dasar sebutan baku dilancarkan, pelbagai usaha giat dijalankan untuk memberi penerangan dan pemahaman tentang konsep serta tujuan gagasan berkenaan. Pada dasarnya, dasar sebutan baku yang digagaskan oleh Kementerian Pendidikan melalui DBP adalah bertujuan untuk 'mewujudkan satu variasi sebutan baku dalam bahasa Melayu yang dapat digunakan dalam situasi formal atau rasmi. Situasi formal atau rasmi yang dimaksudkan ialah dalam urusan seperti pengajaran dan pemelajaran di institusi pendidikan khususnya di sekolah, oleh guru, pelajar, pensyarah, dan

pegawai pendidikan; ucapan di khalayak ramai, seperti pidato, ceramah, syarahan, dan kuliah; perbincangan dan komunikasi rasmi dalam sektor awam, seperti dalam mesyuarat rasmi, temu duga, wawancara, dan ucapan dalam upacara rasmi; siaran melalui media elektronik (radio, televisyen, dan filem), seperti pembacaan berita, penyampaian hebahan, ulasan, dan pengacaraan sesuatu program atau rancangan (DBP, 1988:xiv).

Memandangkan dasar penggunaan sebutan baku di sekolah telah dilaksanakan dalam tempoh lebih daripada 10 tahun maka wajarlah keberhasilan dasar diteliti. Penelitian perlu dilakukan, terutama bagi menilai sifat dan tahap amalan sebenar sebutan baku di sekolah dan jika perlu dapatan daripada penelitian ini boleh dimanfaatkan untuk perancangan dasar negara berkaitan dengan bahasa pada masa akan datang. Sungguhpun diakui terdapat beberapa kajian tentang sebutan baku di sekolah yang telah dijalankan, kini tetapi kebanyakan kajian berkenaan merupakan kajian persepsi atau sikap tentang sebutan baku sahaja dan bukannya kajian yang benar-benar meneliti amalan penggunaan sebenar dalam kalangan pelajar sekolah khususnya. Kajian sikap yang kaedah kajiannya kurang atau tidak dibentuk dengan kemas dan berhati-hati lazimnya kurang dapat memberikan hakikat penggunaan sebenar sebutan baku. Misalnya, Mawar Murni Muhammad (1990)<sup>3</sup> mengkaji penggunaan sebutan baku dalam kalangan guru mata pelajaran Bahasa Melayu dan guru mata pelajaran lain (selain Bahasa Inggeris) hanya berdasarkan persepsi pelajar. Didapati 73.3% pelajar mengatakan bahawa guru Bahasa Melayu menggunakan sebutan baku, 16.5% tidak menggunakannya. Bagi guru mata pelajaran lain pula, 34% pelajar mengatakan guru menggunakan sebutan baku dan 30% pelajar tidak pasti. Abdul Razak dan Ishak Ramli (1991)<sup>4</sup> pula melakukan kaedah kajian yang hampir sama terhadap guru mata pelajaran Bahasa Melayu, Sastera, dan Sains di sekolah rendah dan menengah. Didapati 76.2% guru mengatakan mereka tidak menggunakan sebutan baku dan 23.8% mengatakan mereka menggunakannya. Begitu juga Fadzilah Abd. Rahman dan Nor Zila Md. Yusof (2001) yang melakukan kajian persepsi guru Bahasa Melayu di sekolah rendah di sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Selangor melalui soal selidik tentang masalah penggunaan sebutan baku, keperluan kursus pemantapan, dan isu pemansuhan sebutan baku di sekolah. Mereka mendapati 57.5% guru mengatakan tidak menghadapi masalah menggunakan sebutan baku semasa pengajaran dan 20% menggunakannya secara kadang-kadang, 80% guru mengatakan perlu diberi kursus pemantapan, dan 75% memberi reaksi negatif terhadap arahan pemansuhan penggunaan sebutan baku.<sup>5</sup>

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Data dan perbincangan dalam makalah ini adalah berdasarkan satu penyelidikan lapangan yang dilakukan di sekolah.<sup>6</sup> Pemaklum-pemaklum bagi kajian ini ialah para pelajar tingkatan enam (atas dan bawah)<sup>7</sup> dengan jumlah seramai 102 orang. Pelajar-pelajar berkenaan daripada Sekolah Menengah King George V, Seremban, Negeri Sembilan; Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datok, Banting, Selangor; dan Sekolah Menengah Tinggi, Kajang, Selangor. Taburan pemaklum meliputi pelajar berbangsa Melayu dan keturunan Cina serta India.

Data daripada kajian lapangan diperoleh menerusi kaedah temu bual. Kaedah temu bual dalam kajian ini merupakan temu bual bersifat ujian langsung untuk mengumpul maklumat yang dikehendaki. Kami telah merangka satu prosedur temu bual yang bersituasi formal (lihat pemboleh ubah gaya bahasa di bawah) dengan para pelajar yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Temu bual dijalankan di sebuah bilik khas seorang demi seorang sehingga selesai kesemuanya. Kaedah ini diterapkan sedemikian rupa bagi memungkinkan pelajar berperanan sebagai pengguna bahasa sebenar dalam gaya bahasa formal sebagaimana yang dikehendaki oleh dasar sebutan baku di sekolah.

Temu bual berkenaan dirakam untuk dianalisis. Bahan rakaman akan didengar untuk mendapatkan kekerapan penggunaan sesuatu pemboleh ubah serta kelainannya bagi setiap pemaklum dalam ketiga-tiga gaya bahasa. Seterusnya, jumlah kekerapan dilihat berdasarkan dua pemboleh ubah sosial. Nilai peratusan dan min bagi setiap pemboleh ubah dipaparkan untuk memudahkan analisis dapatan dan perbincangan.

Bagi melihat variasi sebutan, khususnya tahap amalan sebutan baku, temu bual melibatkan pemerhatian terhadap empat pemboleh ubah fonologi; (*a*), (*r*), (*i*), dan (*u*).<sup>8</sup> Pemboleh ubah (*a*) ialah vokal depan rendah/luas pada suku kata akhir terbuka,<sup>9</sup> (*r*) ialah konsonan getaran alveolar pada akhir kata,<sup>10</sup> (*i*) ialah vokal depan tinggi/sempit pada suku kata akhir tertutup,<sup>11</sup> dan (*u*) vokal belakang tinggi/sempit pada suku kata akhir tertutup.<sup>12</sup> Penggunaan pemboleh ubah ini (kehadiran dan pola kelainan penyebutannya) dalam perkataan tertentu akan diberi tumpuan dan pemerhatian yang teliti.<sup>13</sup> Pemboleh ubah (*a*) mempunyai dua kelainan, iaitu [*a*] sebagai kelainan baku, dan [*ə*] sebagai kelainan tidak baku. Pemboleh ubah (*r*) mempunyai dua kelainan, iaitu [*r*] sebagai kelainan baku dan [*∅*] sebagai kelainan tidak baku. Pemboleh ubah (*i*) juga mempunyai dua kelainan, iaitu kelainan baku [*i*] dan kelainan tidak baku [*e*]. Pemboleh ubah (*u*) juga mempunyai dua kelainan, iaitu [*u*] sebagai kelainan baku dan [*o*] sebagai kelainan tidak baku.

Dua pemboleh ubah sosial yang dimanfaatkan untuk melihat variasi sosial sebutan bagi empat pemboleh ubah fonologi di atas ialah pemboleh ubah gaya bahasa dan pemboleh ubah kenatifan penutur. Tiga pemboleh ubah gaya bahasa berkenaan yang berbeza darjah keformalannya ialah gaya membaca daftar kata (GDK), gaya membaca petikan (GMP), dan gaya wawancara (GW).<sup>14</sup> Setiap pemaklum diminta membaca dua bahan berteks (bertulis), iaitu daftar kata dan petikan, serta berwawancara dalam situasi formal secara bergilir-gilir. Ketiga-tiga gaya ini juga selaras dengan definisi penggunaan sebutan baku seperti yang dihajatkan oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Pemboleh ubah kenatifan pula melibatkan analisis terhadap pelajar Melayu sebagai penutur natif dan pelajar Cina dan India sebagai penutur bukan natif. Penutur natif sebanyak 45% (46 orang) manakala penutur bukan natif 55%, iaitu 32 orang atau 31% Cina, dan 24 orang atau 24% India.

## DAPATAN

Secara umumnya, dapatlah ditegaskan bahawa pengamalan sebutan (baku) bahasa Melayu di sekolah terhadap empat pemboleh ubah fonologi yang diteliti adalah bertahap-tahap tertakluk kepada gaya bahasa, iaitu GDK, GMP, dan GW serta jenis pemboleh ubah fonologi terbabit. Pada keseluruhannya, kejayaan pengamalan sebutan baku bagi pemboleh ubah (*r*) dan (*a*) di sekolah agak menyerlah dalam GDK, tetapi begitu berlawanan sekali pada GW. Kejayaan sebutan baku untuk GMP pula hanya sekadar pada tahap pertengahan sahaja. Bagi pemboleh ubah (*i*) dan (*u*) pula kelainan bakunya didapati amat kurang digunakan dalam ketiga-tiga gaya bahasa berkenaan. Sementara itu, dari sudut kenatifan pula didapati tidak ada perbezaan yang menonjol dalam pengamalan sebutan dalam kalangan penutur natif dengan bukan natif, kecuali bagi pemboleh ubah (*r*). (Sila lihat maklumat dalam Jadual 1, 2, 3, dan 4 dengan tumpuan khusus pada baris 'Jumlah keseluruhan' bagi ketiga-tiga gaya tersebut).<sup>15</sup>

Perbincangan selanjutnya di bawah akan menyerlahkan hakikat sebenar tahap penguasaan sebutan baku di sekolah. Selain memperlihatkan perbezaan pola penggunaan kelainan baku, analisis terhadap data juga turut mempamerkan tahap kejayaan/kegagalan pelajar/penutur Melayu (natif), Cina dan India (bukan natif) dalam menguasai sebutan baku bahasa Melayu. Dapatan ini diserlahkan menerusi huraian ke atas penggunaan keempat-empat pemboleh ubah fonologi, iaitu pemboleh ubah (*a*), (*r*), (*i*), dan (*u*) dalam ketiga-tiga gaya bahasa.

### Pemboleh Ubah (*a*)

Pada dasarnya, tidak kelihatan jurang yang besar dalam kalangan penutur natif dan bukan natif untuk menerapkan kelainan baku [a] dalam GDK. Kelompok penutur Melayu, Cina dan India masing-masing menggunakan kelainan baku berjumlah 95%, 85%, dan 83%. Walau bagaimanapun, situasi sedemikian tidak berlaku dalam GMP dan GW.

KETURUN-AN	BIL. PEMAK-LUM	GDK (20)			GMP (35)			GW (min:12)		
		[a]	[ə]	J	[a]	[ə]	J	[a]	[ə]	J
MELAYU (M)	46 (45)	871 (95)	49 (5)	920 (100)	1336 (85)	228 (15)	1564 (100)	67 (9)	699 (91)	766 (100)
CINA (C)	32 (31)	547 (85)	93 (15)	640 (100)	441 (40)	654 (60)	1095 (100)	13 (4)	323 (96)	336 (100)
INDIA (I)	24 (24)	397 (83)	83 (17)	480 (100)	607 (65)	333 (35)	940 (100)	5 (2)	311 (98)	316 (100)
JUMLAH C&I	56 (55)	944 (84)	176 (16)	1120 (100)	1048 (51)	987 (49)	2035 (100)	18 (3)	634 (97)	652 (100)
JUMLAH KESELU-RUHAN	102 (100)	1815 (89)	225 (11)	2040 (100)	2484 (67)	1215 (33)	3699 (100)	86 (6)	1333 (94)	1418 (100)


**Jadual 1** Tahap Pengamalan Sebutan Baku di Sekolah Berdasarkan Pemboleh Ubah (*a*)

Jadual 1 jelas menunjukkan tahap pengamalan sebutan baku berdasarkan pemboleh ubah (*a*) bagi penutur natif dan bukan natif. Penutur natif, pada dasarnya, masih mampu menerapkan amalan sebutan baku dalam GMP meskipun peratusannya tidaklah sebaik dalam GDK. Berdasarkan perbezaan peratusan antara GDK dan GMP juga, kita dapat lihat bahawa penutur bukan natif memperlihatkan prestasi penggunaan sebutan baku yang semakin lemah; dari 84% ke 51%.

Prestasi ketiga-tiga kaum di atas bagi gaya berbahasa yang ketiga pula, iaitu GW ternyata amat mengecewakan. Penutur natif mahupun bukan (9% dan 3% masing-masing) dalam usaha mengekalkan sebutan (*a*) di penutur natif, masing-masing memperlihatkan peratusan yang amat rendah akhir kata. Dengan kata lain, penutur Melayu, Cina, dan India ternyata terikat dengan satu pola yang sama dalam menyembunyi [a] sebagai [ə] di

akhir kata.

Secara keseluruhannya, dapatlah ditegaskan bahawa tidak terdapat perbezaan pola penggunaan sebutan baku kelainan [a] berasaskan faktor kenatifan penutur yang ketara, kecuali dalam GMP. (Dalam GMP penutur natif menggunakan kelainan baku [a] secara lebih tekal, manakala penutur bukan natif menggunakannya secara silih ganti.) Gambaran secara rajah dipaparkan dalam Rajah 1.



### Pemboleh Ubah (*r*)

Penilaian ke atas pemboleh ubah (*r*) menunjukkan bahawa tahap pengamalan sebutan baku bagi penutur natif dan bukan natif ternyata tidak seragam. Penutur natif (Melayu) lebih kerap mengekalkan konsonan getaran alveolar di akhir kata jika dibandingkan dengan penutur bukan natif (Cina dan India). Sila lihat Jadual 2 di halaman sebelah.

Berdasarkan Jadual 2, GDK memperlihatkan bahawa penutur Melayu mengekalkan [r] di akhir kata sebanyak 84% berbanding 44% bagi bukan natif. Dalam GMP pula, penutur natif menggunakan kelainan baku 65% sedangkan bukan natif hanya 35%. Walau bagaimanapun, kelompok penutur natif dan bukan natif dalam gaya tanpa teks (GW) tidak pula memperlihatkan pola sebutan baku pemboleh ubah (*r*) yang jauh berbeza. Dalam hal ini, kelainan baku yang digunakan antara 5% hingga 9%.




KETURUN-AN	BIL. PEMAK-LUM	GDK (12)			GMP (12)			GW (min:5)		
		[r]	Ø	J	[r]	Ø	J	[r]	Ø	J
MELAYU (M)	46 (45)	466 (84)	86 (16)	552 (100)	374 (65)	198 (35)	572 (100)	22 (9)	220 (91)	242 (100)
CINA (C)	32 (31)	108 (28)	276 (72)	384 (100)	109 (27)	292 (73)	401 (100)	4 (4)	106 (96)	110 (100)
INDIA (I)	24 (24)	186 (65)	102 (35)	288 (100)	139 (46)	161 (54)	300 (100)	7 (6)	108 (94)	115 (100)
JUMLAH C&I	56 (55)	294 (44)	378 (56)	672 (100)	248 (35)	453 (65)	701 (100)	11 (5)	214 (95)	225 (100)
JUMLAH KESELU-RUHAN	102 (100)	760 (62)	464 (38)	1224 (100)	622 (49)	651 (51)	1273 (100)	33 (7)	434 (93)	467 (100)

**Jadual 2** Tahap Pengamalan Sebutan Baku di Sekolah Berdasarkan Pemboleh Ubah (*r*)

Tidak keterlaluan jika ditegaskan bahawa terdapat perbezaan yang agak besar bagi kelompok penutur natif dan bukan natif dalam usaha merealisasikan sebutan baku kelainan [r] dalam gaya bahasa berteks. Dapatan menunjukkan bahawa penutur bukan natif khususnya kaum Cina agak bermasalah dalam usaha mengekalkan konsonan [r] di akhir kata dalam gaya bahasa berteks. Situasi yang lebih mengecewakan kelihatan dalam dapatan gaya bahasa tanpa teks. Jadual 2 di atas jelas menunjukkan peratusan yang tinggi bagi pelenyapan bunyi [r] di akhir kata (93%) bagi GW. Dalam hal ini, sama ada kelompok penutur natif mahupun bukan natif, kedua-duanya mempunyai pola sebutan yang sama bagi pemboleh ubah (*r*). Tegasnya, kedua-dua kelompok menghadapi masalah yang kritikal dalam usaha menggunakan sebutan baku untuk gaya bahasa tanpa teks. Fenomena ini tergambar dengan jelas menerusi Rajah 2:

#### Pemboleh Ubah (*i*)

Secara umumnya, wujud persamaan pola penggunaan kelainan baku [i] dan tidak baku [e] dalam kalangan penutur natif dan bukan natif dalam ketiga-tiga gaya bahasa. Kedua-dua kelompok penutur menggunakan kelainan baku [i] pada kadar yang amat kecil berbanding dengan kelainan tidak baku [e]. Peratusan penggunaan kelainan tidak baku dalam GDK, GMP, dan GW penutur natif ialah masing-masing 94%, 93%, dan 98%. Fenomena




Rajah 2 Kelainan Baku [r] Berasaskan Kenatifan

yang sama turut digambarkan menerusi skor oleh penutur bukan natif, iaitu 93%, 92%, dan 99% untuk masing-masing GDK, GMP, dan GW. Dapatan ini membuktikan bahawa kelainan tidak baku bagi pemboleh ubah (i) iaitu [e] telah digunakan secara dominan dalam ketiga-tiga gaya yang diteliti. Sila lihat Jadual 3 di bawah:

KETURUN-AN	BIL. PEMAK-LUM	GDK (11)			GMP (11)			GW (min:4)		
		[i]	[e]	J	[i]	[e]	J	[i]	[e]	J
MELAYU (M)	46 (45)	29 (6)	477 (94)	506 (100)	36 (7)	470 (93)	506 (100)	4 (2)	166 (98)	170 (100)
CINA (C)	32 (31)	26 (7)	326 (93)	352 (100)	32 (9)	317 (91)	349 (100)	3 (2)	143 (98)	146 (100)
INDIA (I)	24 (24)	18 (7)	257 (93)	275 (100)	15 (5)	260 (95)	275 (100)	0 (0)	128 (100)	128 (100)
JUMLAH C&I	56 (55)	44 (7)	583 (93)	627 (100)	47 (8)	577 (92)	624 (100)	3 (1)	271 (99)	274 (100)
JUMLAH KESELU-RUHAN	102 (100)	73 (6)	1060 (94)	1133 (100)	83 (7)	1047 (93)	1130 (100)	7 (2)	437 (98)	444 (100)

Jadual 3 Tahap Pengamalan Sebutan Baku di Sekolah Berdasarkan Pemboleh Ubah (i)

Secara sederhana, dapatlah ditegaskan bahawa tidak wujud perbezaan pola penggunaan pemboleh ubah (*i*) bagi kedua-dua kelompok penutur yang dikaji. Kedua-duanya lebih cenderung untuk menerapkan pola sebutan tidak baku dalam ketiga-tiga gaya berbahasa yang diteliti. Hakikat ini digambarkan dengan lebih jelas menerusi Rajah 3 di bawah:



**Rajah 3** Kelainan Baku [i] Berasaskan Kenatifan

### Pemboleh Ubah (*u*)

Pada keseluruhannya, penutur natif dan bukan natif menggunakan kelainan tidak baku bagi pemboleh ubah (*u*) secara tekal dalam kesemua gaya berbahasa sama ada gaya berteks atau tanpa teks. Lihat Jadual 4

Jadual 4 menunjukkan bahawa penutur natif menggunakan kelainan baku [u] dengan peratusan yang ketara berbeza (iaitu 6%, 3%, dan 0%) berbanding kelainan tidak baku [o] (iaitu 94%, 97%, dan 100%) masing-masing dalam ketiga-tiga gaya bahasa, iaitu GDK, GMP, dan GW. Keadaan ini hampir tidak berbeza daripada catatan penutur bukan natif, iaitu kelainan baku 5%, 4%, dan 1%, manakala kelainan tidak baku pula ialah 95%, 96%, 99% masing-masing dalam GDK, GMP, dan GW. Dalam kalangan penutur bukan natif itu sendiri pun tidak ada jurang perbezaan pada pola penggunaan sebutan baku. Tegasnya, kelainan tidak baku [o] digunakan secara meluas dalam ujaran berteks atau tanpa teks oleh ketiga-tiga kelompok kaum yang diteliti. Untuk gambaran yang lebih jelas, sila teliti Rajah 4 di bawah:

VARIASI SOSIAL SEBUTAN BAHASA MELAYU

KETURUN-AN	BIL. PEMAK-LUM	GDK (13)			GMP (18)			GW (min:4)		
		[u]	[o]	J	[u]	[o]	J	[u]	[o]	J
MELAYU (M)	46 (45)	37 (6)	561 (94)	598 (100)	28 (3)	800 (97)	828 (100)	0 (0)	185 (100)	185 (100)
CINA (C)	32 (31)	23 (6)	393 (94)	416 (100)	22 (4)	537 (96)	559 (100)	2 (2)	96 (96)	98 (100)
INDIA (I)	24 (24)	11 (3)	314 (97)	325 (100)	16 (4)	434 (96)	450 (100)	0 (0)	92 (100)	92 (100)
JUMLAH C&I	56 (55)	34 (5)	707 (95)	741 (100)	38 (4)	971 (96)	1009 (100)	2 (1)	188 (99)	190 (100)
JUMLAH KESELU-RUHAN	102 (100)	71 (5)	1268 (95)	1339 (100)	66 (4)	1771 (96)	1837 (100)	2 (1)	373 (99)	375 (100)

**Jadual 4** Tahap Pengamalan Sebutan Baku di Sekolah Berdasarkan Pemboleh Ubah (*u*)



**RUMUSAN**

Rumusan keseluruhan dapatan kajian ini diserlahkan dengan bantuan Jadual 5. Jadual 5 merupakan himpunan maklumat penting yang terdapat dalam Jadual 1, 2, 3, dan 4 di atas.<sup>16</sup> Rumusnya adalah seperti yang berikut.

PMBH FNLGI	KELAINAN BAKU	KENATIFAN	GDK		GMP		GW	
			MIN	TAHAP	MIN	TAHAP	MIN	TAHAP
(a)	[a]	Natif	95	K	85	K	9	X
		B. Natif	84	K	51	SG	3	X
		<i>Keseluruhan</i>	89	K	67	SG	6	X
(r)	[r]	Natif	84	K	65	SG	9	X
		B. Natif	44	SG	35	X	5	X
		<i>Keseluruhan</i>	62	SG	49	SG	7	X
(i)	[i]	Natif	6	X	7	X	2	X
		B. Natif	7	X	8	X	1	X
		<i>Keseluruhan</i>	6	X	7	X	2	X
(u)	[u]	Natif	6	X	3	X	0	X
		B. Natif	5	X	4	X	1	X
		<i>Keseluruhan</i>	5	X	4	X	1	X

K = Konsisten/tekal

SG = Silih ganti

X = Gagal

**Jadual 5** Tahap Pengamalan Kelainan Baku Berdasarkan Kenatifan, Gaya Bahasa, dan Fonologi

i. *Sebutan baku, bahasa berteks*

Sebutan baku bahasa berteks bermaksud sebutan baku berjaya digunakan hanya dalam gaya bahasa formal berteks, iaitu GDK dan GMP. Fakta ini merujuk kepada pencapaian pengamalan kelainan baku pemboleh ubah (*a*) dan (*r*) sahaja. Dalam GDK kelainan baku [a] diamalkan hampir secara konsisten (*K*) atau tekal dan dalam GMP [a] diamalkan secara hampir silih berganti (*SG*) dengan kelainan tidak bakunya. Sementara itu, kelainan baku [r] diamalkan secara silih berganti (*SG*) dengan kelainan tidak bakunya dalam dua gaya bahasa berteks berkenaan (*GDK* dan *GMP*). Keadaan ini membuktikan bahawa sebutan baku yang berjaya atau hampir berjaya diamalkan, nyata hanya tertakluk kepada gaya bahasa formal berteks. Semakin tinggi darjah keformalan teks, semakin meningkat pula kadar pengamalan kelainan baku [a] dan [r]. Sementara itu, dalam gaya tanpa teks (*GW*), kelainan baku kedua-dua pemboleh ubah ini (*G*) gagal diamalkan oleh pelajar menengah atas.

ii. *Kealamiahan (kenaturalan) sebutan*

Kelainan baku pemboleh ubah (*i*) dan (*u*) kelihatan gagal diamalkan oleh para pelajar menengah atas dalam ketiga-tiga gaya bahasa formal yang dikaji. Dengan kata lain, kelainan yang dianggap tidak baku menjadi amalan kedua-dua kelompok penutur natif dan bukan natif sama ada dalam gaya berteks

mahupun tanpa teks. Hal ini demikian kerana faktor pilihan sistem sebutan yang lebih cenderung ke arah alamiah berbanding dengan yang tidak alamiah.

Pada hakikatnya, penyesuaian sistem sebutan (fonologi) sewaktu ujaran sedang berlangsung bertujuan untuk memudahkan (kelancaran) sebutan. Tegasnya, penutur akan memilih sistem yang natural yang memudahkannya untuk menghasilkan bunyi bahasa, membentuk suku kata, kata, dan seumpamanya. Dalam hal ini, sistem keselarasan vokal yang 'diwajibkan' ke atas pelajar ialah /i – i/ dan /u – u/ (sekadar mengambil dua contoh pola sahaja). Walau bagaimanapun, hakikatnya, pengartikulasian bagi vokal kedua yang hadir dalam suku kata kedua tertutup<sup>17</sup> akan memperlihatkan kedudukan lidah yang lebih rendah daripada sewaktu pengartikulasian vokal pertama dalam lafaz kata berkenaan (dalam ujaran yang bersifat kontinum). Tegasnya, vokal dalam suku kata kedua lazimnya lebih rendah berbanding dengan vokal dalam suku kata pertama. Justeru, sukar ditemui pola /i – i/ dan /u – u/, sebaliknya yang lebih lazim diguna pakai oleh pengguna bahasa Melayu (penutur natif mahupun bukan natif) ialah /i – e/ dan /u – o/.

### iii. *Dwikelainan sebutan baku*

Berdasarkan Jadual 5, ternyata kelainan baku dan tidak baku bagi pemboleh ubah (*a*), iaitu [a] dan [ə], dan kelainan baku dan tidak baku bagi pemboleh ubah (*r*), iaitu [r] dan [ø] diamalkan secara silih berganti, khususnya dalam GMP. Memandangkan GMP merupakan gaya berteks yang lebih munasabah (sebagai bahasa penggunaan sebenar) berbanding dengan GDK, maka keadaan ini membuktikan bahawa kedua-dua kelainan bagi (*a*) dan (*r*) diterima pakai oleh pengguna bahasa Melayu (natif dan bukan natif) dalam situasi formal. Oleh yang demikian, wajar disimpulkan bahawa dapatan di atas turut mengesahkan pandangan Asmah Haji Omar (1985; 1988) tentang kewujudan dua kelainan standard (baku) bagi (*a*) dan (*r*).

### iv. *Kenatifan tidak mempengaruhi sebutan*

Kecuali pemboleh ubah (*r*)<sup>18</sup> dalam GDK (gaya berteks yang paling berhati-hati), pada keseluruhannya, faktor kenatifan didapati tidak/kurang mempengaruhi penggunaan sebutan baku pelajar-pelajar sekolah menengah atas. Dengan kata lain, kedua-dua golongan penutur (natif dan bukan natif) mempunyai kecenderungan untuk mengamalkan sebutan yang hampir sama dalam ketiga-tiga gaya bahasa dalam pemboleh ubah fonologi yang diteliti.

## KESIMPULAN

Di Malaysia, usaha memartabatkan bahasa Melayu (bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara), telah dan sedang berlangsung dengan pesatnya. Serentak dengan itu, agenda pembakuan sebutan di sekolah turut dilaksanakan. Usaha tersebut sejajar dengan proses pembinaan dan pemodenan bahasa Melayu agar mampu menangani keperluan semasa. Namun, pembakuan aspek sebutan nampaknya belum/kurang berjaya kalau diperhatikan amalan penggunaannya dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah atas yang telah lama didedahkan dengan kaedah sebutan berkenaan.

Pada hemat kami, keadaan ini adalah kerana usaha pembakuan sebutan di sekolah adalah usaha 'penyeragaman' atau restandardisasi sebutan penutur bahasa Melayu kepada ekakelainan sahaja. Dengan kata lain, pengertian sebutan baku terlalu disempitkan, iaitu kepada ekakelainan sahaja dan tidak dijurus kepada sebutan yang berciri baik. Usaha ini bukan kerja yang mudah kerana kaedah tersebut merupakan usaha meminta sebahagian pengguna bahasa Melayu bertutur di luar kelaziman mereka yang selama ini sudah pun diterima sebagai 'standard'.<sup>19</sup>

Kajian sosiofonologi terhadap empat fonem yang menonjol dalam soal pembakuan sebutan ini memperlihatkan bahawa pencapaian sebutan baku bukannya bergantung pada regulasi imperatif<sup>20</sup> cara penyebutan sesuatu fonem berkenaan sahaja, seperti dalam buku pedoman sebutan baku tetapi dipengaruhi sedikit sebanyak oleh faktor gaya bahasa yang terlibat dalam pertuturan dan faktor kelaziman penuturan dalam dwistandard yang sedia ada.

## NOTA

<sup>1</sup> Lihat Lampiran 1, *Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu*, yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1988).

<sup>2</sup> Dengan kata lain, dasar pembakuan sebutan oleh Kementerian Pendidikan ialah ekakelainan.

<sup>3</sup> Lihat Fadzilah Abd. Rahman dan Nor Zila Md. Yusuf (2001).

<sup>4</sup> Lihat Fadzilah Abd. Rahman dan Nor Zila Md. Yusuf (2001).

<sup>5</sup> Ironinya ialah 91.2% pemaklum bagi Fadzilah Abd Rahman dan Nor Zila Md. Yusuf (2001) terdiri daripada guru berpengkhurusan Bahasa Melayu sewaktu dalam latihan perguruan, 75% berkelulusan STPM, dan 90% mengajar antara 1–10 tahun. Dengan ciri-ciri pemaklum sedemikian, pada hakikatnya tidak mustahil mereka telah mendapat pendedahan tentang sistem sebutan baku. Inilah yang kami katakan

kajian persepsi yang tidak dijalankan secara berhati-hati mungkin tidak berupaya memberi gambaran yang dihajatkan.

<sup>6</sup> Penyelidikan ini mendapat biaya daripada geran penyelidikan M/7/97 Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>7</sup> Pelajar tingkatan enam dipilih kerana mereka telah sepuluh tahun terdedah kepada sebutan baku seperti yang dihajatkan oleh Kementerian Pendidikan, iaitu semenjak mereka di tahun tiga di sekolah rendah lagi.

<sup>8</sup> Dalam sociolinguistik, pemboleh ubah fonologi lazimnya ditandakan dengan parentesis ( ).

<sup>9</sup> Misalnya, dalam perkataan 'dia', 'bahasa', 'rasa', dan seumpamanya.

<sup>10</sup> Misalnya, dalam perkataan 'dapur', 'biar', 'keluar', dan seumpamanya.

<sup>11</sup> Misalnya, dalam perkataan 'cantik', 'balik', 'adik', dan seumpamanya.

<sup>12</sup> Misalnya, dalam perkataan 'masuk', 'untuk', 'rasuk', dan seumpamanya.

<sup>13</sup> Pemboleh ubah ini dipilih kerana pemboleh ubah inilah yang banyak diperkatakan dalam persoalan sebutan baku bahasa Melayu.

<sup>14</sup> Dalam setiap gaya bahasa akan terdapat pemboleh ubah fonologi yang ingin diteliti. Pengkaji telah memastikan bahawa setiap pemboleh ubah yang diteliti akan hadir banyak kali.

<sup>15</sup> Angka yang dipaparkan di bawah lajur kelainan-kelainan pemboleh ubah berkaitan dan jumlahnya dalam Jadual 1-4 menunjukkan kekerapan kehadiran/penggunaannya, manakala angka dalam ( ) adalah nilai peratusannya.

<sup>16</sup> Ukuran tahap dalam Jadual 5 adalah berdasarkan skor 80+ sebagai 'konsisten', 40-79 sebagai 'silih ganti', dan skor -40 sebagai 'gagal' diamalkan.

<sup>17</sup> Situasi seperti ini lazimnya hanya berlaku dalam kes vokal yang sejajar (vokal pertama dan vokal yang mengikutinya harus sejajar; sama ada kedua-duanya vokal depan atau sebaliknya)

<sup>18</sup> Penutur bukan natif keturunan Cina didapati lebih menghadapi masalah dengan penggunaan [r] berbanding bukan natif keturunan India. Lihat kembali Jadual 2.

<sup>19</sup> Menurut Milroy dan Milroy (1991:22), bahasa yang seragam sepenuhnya merupakan bahasa yang mati.

<sup>20</sup> Lihat Idris Aman (2000).

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1988. "Bahasa baku: ke mana arahnya?" Kertas kerja Seminar Sehari Bahasa Malaysia. Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asraf, 1989. "Sebutan baku bahasa Melayu berdasarkan prinsip fonemik". Dalam *Siri khazanah bahasa bil. 8* oleh Awang Sariyan dan Nik Safiah Karim (Peny.).



- Kuala Lumpur. Nurin Enterprise.
- Awang Sariyan, 1984. *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988. *Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fadzilah Abd. Rahman dan Nor Zila Md. Yusuf, 2001. "Isu penggunaan dan pemansuhan sebutan baku bahasa Melayu". Kertas kerja Persidangan Serantau Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Serdang, Selangor. 22–23 Oktober 2001.
- Hassan Ahmad, 1988. *Bahasa Sastra Buku: Cetusan Fikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holey, J. 1997. "Sociophonology". Dlm. Coulmas, F. (ed.). *The Handbook of Sociolinguistics*. Oxford: Blackwell. Hlm. 93–106.
- Idris Aman. 2000. "Bahasa, Kuasa, dan Ideologi: Analisis wacana kritis sebutan baku bahasa Melayu", dalam. *Akademika: Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan*. 56 Januari. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 121–133.
- Idris Aman dan Shahidi Abd. Hamid, 1998. "Pengamalan sebutan baku di kalangan para pelajar menengah atas". *Laporan Penyelidikan M/7/97*. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Labov, W. 1972. *Sociolinguistics Patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Milroy, J dan Milroy, L. 1991. *Authority Language: Investigating Language Prescription and Standardisation*. London: Routledge.
- Trudgill, P. 1974. *The Social Differentiation of English in Norwich*. Cambridge: Cambridge University Press.